

Kumpulan Pemikir harap 7 sasaran dapat dicapai

Yakin Malaysia mampu capai defisit fiskal tiga peratus atau lebih rendah lagi

Kuala Lumpur: Kumpulan Pemikir Malaysia berharap hampir semua tujuh sasaran Ekonomi MADANI boleh dicapai dalam dekad akan datang, termasuk berada dalam kalangan 30 ekonomi terbesar dunia dan senarai 12 teratas dalam Indeks Daya Saing Global.

Menyambut baik kerangka dasar Ekonomi MADANI diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disasar untuk memakmurkan Malaysia secara mampan dan melindungi lagi kesejahteraan rakyat, mereka percaya kemampanan fiskal boleh dicapai dengan negara mampu mencapai defisit fiskal sebanyak tiga peratus atau lebih rendah lagi.

Ketua Penyelidik di INCEIF University (Pusat Kecemerlangan dalam Kewangan Sosial Islam), Prof Dr Baharom Abdul Hamid, berkata beberapa pembangunan yang baik sedang dilaksanakan ketika ini, terutama di Lembah Klang.



"Sebagai contoh, Elon Musk (Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Tesla Inc) menyuarakan hasratnya melabur di Malaysia dan saya sangat berharap kali ini ia benar-benar boleh berlaku," katanya dalam program *'The Brief-Special'* terbitan Bernama TV.

Katanya, kesan domino atau kesan pencetus pergerakan daripada pelaburan Musk akan menjadi magnet berkesan, sekaligus 'Greater KL' mempunyai potensi untuk menjadi pusat bandar raya utama ASEAN jika pelan dilaksanakan dengan cepak, berkesan dan menggunakan sumber sebaik mungkin.

Negara mampu tarik pelabur

Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaya, Dr Elya Nabila Abdul Bahri berpandangan, melalui persekitaran yang baik, kemudahan menjalankan perniagaan dan keadaan pasaran yang wajar, Malaysia berupaya menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDD).

"Dari segi tingkah laku peng-

guna, kita mempunyai penembusan pasaran lebih baik berikutan rakyat gemar berbelanja. Dari segi kuasa beli, walaupun ketika ini kita berdepan kos sara hidup tinggi, kuasa beli masih agak stabil.

"Sehubungan itu, wujud potensi pasaran untuk DDI dan FDI di negara ini bagi memastikan kesan pengganda terbabit," katanya turut menyambut baik aspirasi kerajaan untuk mengantarabangsakan syarikat pemula niaga tempatan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Langkah itu, katanya, akan menyokong 79 peratus daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Ahli Majlis Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr AT Kumararajah turut sependapat dengan Elya Nabila sambil memaklumkan kerangka Ekonomi MADANI tidak mengetepikan PMKS.

"Di samping itu, kita juga menyaksikan bahawa kerajaan berhasrat menjadikan DDI sebagai petunjuk prestasi utama (KPI). Ini penting kerana kita tidak mahu terus bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI).

"Malaysia amat menggalakkan kemasukan FDI, pada masa sama, kita tidak boleh abaikan DDI," katanya ketika program Bernama TV *Apa Khabar Malaysia-Khas*. BERNAMA

"Beberapa pembangunan yang baik sedang dilaksanakan ketika ini, terutama di Lembah Klang



Baharom Abdul Hamid, Ketua Penyelidik di INCEIF University

Langkah itu akan menyokong 79 peratus daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)



Elya Nabila Abdul Bahri, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaya